

PEMBANGUNAN STANDARD PENGUKURAN UNTUK MENGESAN GANGGUAN MAKHLUK HALUS BERDASARKAN KAEDAH PENGUBATAN ISLAM

Mohd Jim bin Hamzah

*Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang
26300 Kuantan, Pahang, Malaysia*

mohdjim@iab.edu.my

Kata kunci: standard pengukuran, gangguan makhluk halus, pengubatan Islam

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan satu standard pengukuran yang boleh mengesan gangguan makhluk halus. Standard pengukuran ini diukur melalui simptom-simptom gangguan makhluk halus yang dikategorikan kepada lapan konstruk tertentu. Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan (*mixed method*) yang meletakkan pendekatan reka bentuk kajian kuantitatif sebagai kaedah utama manakala data kualitatif dari temu bual dan pemerhatian sebagai data sokongan. Instrumen standard pengukuran untuk mengesan gangguan makhluk halus dibina berpandukan Model ADDIE (*Analyse, Design, Develop, Implement, and Evaluate*). Sampel kajian terdiri daripada 292 pesakit gangguan makhluk halus dari 15 buah pusat rawatan kecil Darussyifa' di sekitar zon tengah. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data adalah berbentuk soal selidik, temu bual, dan pemerhatian. Kaedah analisis data kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis deskriptif manakala data kualitatif dianalisis secara naratif. Nilai Alpha Cronbach digunakan bagi menentukan kebolehpercayaan item-item soal selidik melalui ujian rintis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lapan konstruk dan 50 item (simptom) yang telah dikenalpasti bagi membina satu instrumen standard yang dinamakan instrumen JIM50. Rubrik daripada instrumen JIM50 telah dibina bagi mengukur tahap kekuatan gangguan makhluk halus tersebut. Standard pengukuran ini dapat membantu pesakit dan perawat pengubatan Islam mengenal pasti kaedah rawatan gangguan makhluk halus yang sesuai selain dapat membantu pesakit untuk mendapatkan rawatan di pusat-pusat rawatan Islam yang sesuai.

ABSTRACT

This study aims to develop a standard of measurement that can detect the disturbances of poltergeist. The measurement standard is based on the disturbances symptoms, which are categorized into eight specific constructs. This study uses a mixed method approach that puts quantitative research design approach as the primary method while qualitative data from interviews and observations as supporting data. Standard measurement instruments for detecting the disturbances of poltergeist are constructed using the ADDIE Model (Analyze, Design, Develop, Implement, and Evaluate). 292 patients from 15 Darussyifa' treatment centers located in the central region of Malaysia took part in this study. . The research instruments used to collect data are questionnaire, interviews and observations. Descriptive analysis was carried out on the quantitative data, while qualitative data was analyzed narratively. Cronbach's Alpha scores were used to determine the reliability of the questionnaire items through pilot testing. The findings showed eight constructs with 50 items (symptoms) is sufficient to build a standard instrument, which is named as the JIM50 instrument. A rubric of the JIM50 instrument was developed to measure the degree of poltergeist disturbances. This measurement standard can help Islamic healing exorcist to identify appropriate treatment methods as well as help patients affected by poltergeist to obtain treatment in appropriate Islamic treatment centers.